

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD  
[ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 23.5.2016**

**SOALAN :**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah penyelesaian terhadap 50 unit kuarters guru Jalan Matang Taiping yang telah siap hampir 10 tahun tetapi tidak diguna sehingga sekarang dan mengapa ianya tidak disewakan kepada siapa yang berminat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak telah menempatkan Pengawal Keselamatan bagi menjaga keselamatan Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) di Jalan Matang Taiping. Kerja-Kerja Pembersihan juga telah dijalankan secara berkala.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM dan JPN Perak sedang berusaha untuk menawarkan KIP berkenaan kepada agensi-agensi lain yang berminat. Beberapa agensi telah melawat bangunan tersebut antaranya Universiti Kuala Lumpur (UNIKL), Bangunan Perak dan Kementerian Pertahanan. Namun sehingga kini belum ada sebarang perbincangan dan keputusan rasmi berhubung perkara tersebut. RJM47